

**Program TP1M Bantu Tingkat Nilai Hartanah Sehingga 50 Peratus  
Bernama  
24 Mac, 2013**

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) membantu meningkatkan nilai perumahan kos rendah dan sederhana rendah sehingga 50 peratus, kata Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin.

Raja Nong Chik berkata nilai rumah kos rendah dan sederhana rendah di Kuala Lumpur, masing-masing meningkat antara RM120,000 dan RM180,000 selain memupuk keceriaan dan perpaduan penduduk setempat.

"Maklum balas yang saya terima penduduk di Apartment Pantai Indah I dan II di Pantai Dalam di sini, mereka sangat berpuas hati bukan sahaja keadaan perumahan yang selesa tetapi nilai rumah mereka juga meningkat.

"Saya percaya usaha kerajaan ini dapat membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat serta memupuk keharmonian sesama jiran," katanya kepada pemberita pada majlis sumbangan Tangungjawab Sosial Korporat (CSR) TP1M di Taman Taiping, Lembah Pantai di sini Ahad.

Katanya Yayasan Wilayah Persekutuan menyumbangkan sebanyak RM11,500 kepada penduduk Taman Taiping bagi mengecat semula apartment yang berusia lebih 40 tahun itu.

Raja Nong Chik berkata kos penyelenggaraan apartment Taman Taiping sebanyak RM220,000 itu melibatkan dua blok yang mempunyai 48 unit rumah.

Secara keseluruhan, sebanyak 90 projek di bawah program TP1M disiapkan sejak diperkenalkan pada 31 Jan 2010 iaitu 44 projek di Wilayah Persekutuan dan 46 projek di negeri lain.

Katanya Pulau Pinang dan Selangor antara negeri yang mencatatkan permohonan TP1M terbanyak sejak program itu diperluaskan di luar Wilayah Persekutuan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=936946>